

Penjajah hanya memajukan bandar saja—Abdullah

Dari SAAD HASHIM

LONDON, Rabu — Usaha Kerajaan membangun kawasan serta penduduk luar bandar, adalah semesta-mata untuk membetulkan sikap salah penjajah selama 400 tahun.

Rancangan pembangunan itu, tidak sepatutnya dianggap sebagai memenuhi hak-hak istimewa orang Melayu sebab ia adalah hak mutlak mereka, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi di Kursus Politik dan Kepemimpinan Umno Cawangan London di sini, semalam.

Kata Datuk Abdullah, selama penjajah memerintah, semua rancangan pembangunan adalah untuk kepentingan ekonomi Kerajaan ibunda mereka sendiri.

Memisahkan

Oleh itu, segala projek pembangunan dilaksanakan di kawasan-kawasan bandar yang akhirnya hanya dinikmati oleh golongan mendalag kerana mereka tinggal di kawasan bandar.

"Dalam keadaan ini, apa yang dikatakan hak-hak istimewa orang Melayu sebenarnya tuntutan sah orang Melayu yang ditinggalkan dalam rancangan pembangunan di masa penjajah dahulu".

"Hampir keseluruhan pembangunan di zaman penjajah tertumpu di Pantai Barat Semenanjung, manakala Pantai Timur tinggal terbiar. Begitu juga orang di Pantai Barat juga tertinggal sebab mereka tinggal di tempat-tempat jauh dari bandar," kata Datuk Abdullah.

Beliau mengancam setengah-setengah orang Melayu yang cuba memisahkan perjuangan kebangsaan Melayu dengan Islam, yang menurut beliau, adalah satu fahaman yang cetek.

Tugasnya, dari awal-awal lagi perjuangan Umno tidak pernah terpisah dari perjuangan me-

negakkan keagungan Islam dan kerana itulah pemimpin-pemimpin Umno di zaman dahulu juga terdiri dari lipasan Timur Tengah.

Beliau juga mengancam golongan Islam radikal yang menolak pembangunan kerana kononnya, itu tidak dituntut oleh Islam.

Sementara itu, dalam kertas kerjanya mengenai nasionalisme dan Islam, Prof. Madya Dr Yusof berkata, unsur-unsur penting perlembagaan Umno dalam konteks Keislaman ialah mendukung, mempertahankan, menegak dan mengembang Islam.

Nasionalisme ini katanya, bertentangan dengan gerakan nasionalisme yang membawa ideologi yang asing dari masyarakat tempatan.

Kata beliau, ramai orang telah keliru tentang Islam dan nasionalisme disebabkan kekeliruan tentang matlamat nasionalisme Melayu dan juga tentang pandangan Islam sendiri terhadap nasionalisme.

Menurut Prof. Madya Dr Yusof, orang Islam sendiri menjadi keliru tentang soal ini apabila adanya campurtangan kuasa-kuasa besar terhadap gerakan "nasionalisme" yang ditaja oleh mereka untuk kepentingan tertentu.

Beliau menjelaskan, kelahiran nasionalisme Melayu merupakan satu pilihan untuk mereka mencapai segala matlamat suci yang selaras dengan dasar-dasar syara'.

Oleh yang demikian pembentukan generasi Melayu yang kuat untuk masa depan adalah memerlukan orang-orang yang berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam yang sentiasa digunakan sebagai binteng pertahanan.

"Nasionalisme Melayu ialah dan sedang mengahiri strategi mempertahankan lima perkara yang dipertahankan oleh Islam sendiri iaitu agama, jua, harta, maruah dan keturunan," kata Prof. Madya Dr Yusof.